



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TUN ABDUL RAZAK
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN



Tel : +605 501 5000
Faks : +605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

"1, MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Ruj.Kami : J.Pel. Pk (HEM) 5128/10/8 Jld.6 (12)
Tarikh : 18 Ramadhan 1438H
13 Jun 2017

Semua Guru Besar,
Sekolah Rendah Negeri Perak.

Tuan,

**PELAKSANAAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT)
DI SEKOLAH**

Dengan hormatnya saya merujuk surat Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.800-4/1/15 Jld.5 (94) bertarikh 28 April 2017.

2. Sukacita dimaklumkan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaku peneraju pelaksanaan Program RMT di KPM memohon semua sekolah-sekolah yang menjalankan program RMT dapat melaksanakan perkara-perkara seperti pada surat KPM yang dilampirkan.
3. Sehubungan dengan itu, tuan dimohon merujuk Buku Panduan Pengurusan Pelaksanaan RMT bagi memantapkan pengurusan RMT di sekolah.
4. Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Penyelia Kebajikan Cik Ruziah Binti Ab Majid di talian 05-5015142 @ 0178842306.

Sekian dimaklumkan, terimakasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)
Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Perak

SPK/Hem/ruzz/bz



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung





BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-88849586 (Aras 3)
+603-88849370 (Aras 4)
Faks : +603-88849315
Laman Web : www.moe.gov.my

10

Ruj. Kami : KPM. 800-4/1/15 Jld.5 (94)
Tarikh : 28 April 2017

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri



YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PELAKSANAAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT) DI SEKOLAH

Dengan segala hormatnya merujuk kepada cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Ke-213 Bil. 01/2017, yang bermesyuarat pada 28 Mac 2017 dan perkara di atas adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) selaku peneraju pelaksanaan Program RMT di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diminta untuk memaklumkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk melaksanakan perkara-perkara berikut:

- pegawai JPN/PPD dan sekolah hendaklah sentiasa melaksanakan pemantauan Program RMT di sekolah dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan program ini mematuhi Garis Panduan Pengurusan Program RMT; dan
- murid penerima RMT tidak diasingkan dan hendaklah ditempatkan di tempat yang sesuai serta selesa semasa sesi RMT.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan adalah dimohon untuk memastikan perkara-perkara tersebut dilaksanakan serta dipatuhi oleh pegawai di JPN dan PPD serta sekolah di bawah seliaan masing-masing.


4. Sekiranya YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan mempunyai sebarang kemusykilan mengenai perkara ini, boleh menghubungi pegawai berikut, Encik Hairunizad bin Haron di talian 03-8884 9408 atau 016-711 8427.

Segala kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


HAJI AMINUDIN BIN ADAM
Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia

"1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"
Sila catatkan rujukan Bahagian Ini apabila berhubung



CERTIFIED TO ISO 9001:2008 CERTIFIED TO ISO 9001:2008